

Bil. S 78

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENILAI DAN EJEN HARTA TANAH (PINDAAN), 2016**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
  2. Pindaan bab 4 dari S 30/2009
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENILAI DAN EJEN HARTA TANAH (PINDAAN), 2016**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah (Pindaan), 2016 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2017.

**Pindaan bab 4 dari S 30/2009**

2. Bab 4 dari Perintah Penilai dan Ejen Harta Tanah, 2009 adalah dipinda —

(a) dengan memotong ceraian (1) dan menggantikannya dengan ceraian baru yang berikut —

“(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, yang akan menjadi Pengerusi;

(b) orang-orang yang berikut akan dilantik oleh Menteri —

(i) Pesuruhjaya Tanah;

(ii) dua orang penilai berdaftar daripada perkhidmatan awam;

(iii) dua orang penilai berdaftar yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 tahun sebagai penilai dan —

(A) memegang suatu ijazah yang diiktiraf dalam penilaian atau pengurusan harta tanah; atau

(B) menjadi ahli suatu badan profesional yang diiktiraf oleh Lembaga,

yang mengandungi sama ada seorang penilai yang menjalankan amalan persendirian dan penilai lain

daripada sebuah institusi akademik yang diiktiraf di Negara Brunei Darussalam, atau dua orang penilai yang menjalankan amalan persendirian;

- (iv) dua orang ejen harta tanah berdaftar yang merupakan rakyat Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 tahun sebagai ejen harta tanah; dan
- (v) dua orang penjawat awam.”;

*(b)* dalam ceraian {2}, dengan memotong “adalah” di mana perkataan itu terdapat kali pertama dan menggantikannya dengan “tidak boleh melebihi”.

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan Disember, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM